



JABATAN KEWANGAN NEGERI
PULAU PINANG

KENYATAAN TAWARAN

NO SEBUT HARGA : 05/2020

Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berkelayakan yang berdaftar dengan **Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP)** dan **Kementerian Kewangan Malaysia** di bawah **Kod Bidang 221001 dan 221002** dalam bidang perkhidmatan dibenarkan menyertai sebut harga berikut :

**“PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN DI TAPAK EKSPLO
SEBERANG JAYA ”**

2. Syarikat-syarikat yang ingin untuk turut serta dalam sebut harga ini adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh	:	10 November 2020 (Selasa)
Masa	:	10.00 pagi
Tempat	:	Dewan Serbaguna, Tapak Ekspo Seberang Jaya
Kehadiran	:	Pemilik Syarikat (Wakil Perlu Kemuka Surat Daripada Syarikat)
Tambahan	:	SILA BAWA COP SYARIKAT

3. Tuan/ Puan adalah **DIWAJIBKAN** membawa bersama dokumen salinan asal dan salinan fotostat (tidak akan dikembalikan) yang disahkan seperti berikut :

- i) **Cetakan Spesifikasi Kerja dan kawasan terlibat yang dimuat turun dari Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP);**
- ii) **Sijil Pendaftaran Syarikat yang masih sah; dan**
- iii) **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (Kod Bidang ditetapkan) yang masih sah.**

4. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara atas talian (online) dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **06 November 2020 (Jumaat)**.
5. Dokumen sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan Nombor dan Tajuk Sebut Harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen Tender tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 24 November 2020 (Selasa) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Jabatan Kewangan Negeri, Tingkat 23, KOMTAR, Peti Surat 3007, 10990 Pulau Pinang**.
6. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan Tawaran Sebut Harga di atas adalah menjadi tanggung jawab Penyebut harga.
7. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk untuk menerima mana-mana tawaran terendah, tertinggi atau sebarang tawaran. Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
8. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <http://ep.penang.gov.my>

Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang